

Didik rakyat jayakan konsep Malaysia Prihatin

Sesebuah negara majmuk seperti Malaysia amat memerlukan pelbagai konsep dan formula penyatuan rakyat ke arah pembinaan satu negara bangsa yang kukuh, muafakat, progresif serta makmur.

Konsep dan formula ini juga diperlukan supaya generasi merdeka Malaysia mempunyai aspirasi sama, melangkah ke destinasi sehalu dan sentiasa megah mengibarkan panji perjuangan negara setiap masa.

Pengertian kemerdekaan bagi bangsa dan negara yang dijajah kebiasaannya berkait keinginan membebaskan negara daripada belenggu penjajahan.

Bagi suatu bangsa besar - yang sebelum kedatangan penjajah pernah memiliki sistem dan pemerintahan tersendiri - keinginan untuk kembali menegakkan sistem itu menjadi simbol perjuangan sangat mengesankan.

Meskipun sistem dan pemerintahan sedia wujud sebelum penjajahan, disebabkan proses penjajahan yang memperkenalkan pelbagai pembaharuan, maka suatu evolusi turut mempengaruhi minda serta jiwa sebahagian besar pendukung dan pejuang kemerdekaan.

Dalam hal ini perjuangan ke arah kemerdekaan tidak bermaksud menyempitkan pandangan dan pemikiran pendukungnya. Pelbagai sistem serta struktur pemerintahan diperkenalkan kuasa imperialis sama ada dalam bentuk politik, sosial, pendidikan dan hubungan antarabangsa.

Pengaruh ini menjadi global khususnya dalam konteks negara terjajah di Asia dan Afrika. Adakalanya sistem diperkenalkan memberi aspek positif dalam membangunkan suatu keupayaan baharu bagi mereka yang terjajah.

Percikan sistem diperkenalkan kuasa imperialis turut mewarnai kehidupan sebahagian pendukung dan pejuang kemerdekaan. Apa yang menarik, sebahagian mereka mendapat didikan secara langsung daripada kuasa penjajah, khususnya Inggeris.

Namun, di sebalik proses pendidikan itu, mereka tetap bangun dengan jiwa merdeka. Meskipun pemikiran diwarnai sistem pendidikan Inggeris yang kuat memprojekkan ketaatan kepada kuasa imperialis, mereka apabila pulang tidak lupa menuntut hak ketuanan daripada penjajah. Kekuatan jiwa merdeka menghasilkan upaya penentangan yang membina identiti kebangsaan dan budaya. Gerakan dekolonisasi dipacu identiti simbolis melalui Islam dan pengertian rumpun Melayu.

Lahirnya pelbagai pertubuhan, gerakan dan parti melambangkan keupayaan mereka bersatu di bawah suatu lambang penyatuan demi memerdekakan negara. Identiti suku dan sakat ti-

dak diperjuangkan.

Seandainya demikian terjadi, tentu rumpun Melayu akan menghadapi kemelut tidak sudah padahnya, lantaran setiap kabilah dan suku mahu menjadi juara dan pejuang untuk membebaskan suku masing-masing.

Namun, semua itu tidak terjadi lantaran keupayaan Islam memberikan dimensi rumpun Melayu yang disatukan agama, budaya, serta bahasanya. Citra ini menjadikan ummah Melayu memerdekakan jiwa mereka daripada segala bentuk kekangan daya fikir yang hanya tahu melunasi tanggungjawab suku.

Citra ummah Melayu sebaliknya terbina oleh kekuatan jiwa merdeka yang didukung mereka yang setia dengan Islam, berakar dengan budaya Melayu dan berurusan melalui bahasa Melayu.

Ini yang memerdekakan jiwa umat Islam di negara ini sehingga terleburnya identiti suku bangsa Minang, Bugis, Boyan, Jawa, Banjar, Jawi Pekan, Mamak, Turki, Arab dan sebagainya ke dalam pengertian Melayu sebagaimana termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan khususnya dan Malaysia amnya.

Matlamat supaya kepelbagaian sosio-budaya dan ekonomi rakyat dapat didanai dan digembleng menjadi ciri kekuatan nasional, seterusnya diterjemah menjadi strategi pelbagai rupa dalam pembinaan negara bangsa Malaysia.

Lantaran itu, seluruh warganegara perlu mendukung dan menyokong Semangat Malaysia Prihatin dengan sepenuh hati dan keikhlasan total.

Sebagai generasi merdeka, kita sendiri amat yakin konsep ini mampu mencapai matlamatnya jika diterima seluruh warganegara, termasuk generasi merdeka seperti kita.

Teras Konsep Malaysia Prihatin adalah pemupukan perpaduan rakyat supaya sentiasa mentaati, berpegang teguh dan menjunjung tinggi seluruh prinsip asas pembinaan negara bangsa seperti termaktub dalam Perlembagaan dan Rukun Negara.

Oleh sebab itu, seluruh generasi mer-

deka di Malaysia perlu diberikan penjelasan terperinci mengenai prinsip pembinaan negara bangsa yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan dan yang diperkukuhkan lagi oleh Rukun Negara.

Berikut antara cadangan usaha ke arah memasyarakatkan konsep Malaysia Prihatin:

Pertama, kurikulum pendidikan rendah, menengah dan peringkat institusi pengajian tinggi mesti memperkenalkan pengajian konsep Malaysia Prihatin, Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara sebagai mata pelajaran wajib mengikut peringkat sewajarnya dengan serius serta konsisten.

Kedua, kurikulum serupa mesti juga diperkenalkan sebagai mata pelajaran wajib di seluruh organisasi pembinaan generasi seperti pusat latihan belia dan program berbentuk membina negara.

Ketiga, organisasi masyarakat sivil dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) perlu digalakkan menganjurkan siri penerangan mengenai prinsip pembinaan negara bangsa seperti terkandung dalam konsep Malaysia Prihatin, Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara. Insentif mengendalikannya siri penerangan dan penghayatan ini wajar diberi.

Keempat, seluruh rangkaian radio dan televisyen mesti mewujudkan program penerangan serta penghayatan konsep sama. Sektor swasta dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) mesti digalakkan menaja program ini dan diberikan insentif pelepasan cukai.

Kelima, ahli akademik dan penulis terkenal mesti diberikan insentif untuk menulis buku mengupas konsep sama. Hasil karya mereka mesti dilambatkan ke pasaran supaya jadi rujukan pengajaran di sekolah, IPT, pusat latihan belia dan seumpamanya, selain organisasi masyarakat sivil serta NGO.

Keenam, pelbagai program dan perakuan membolehkan usaha memasyarakatkan konsep Malaysia Prihatin dan penghayatan kepada Perlembagaan Persekutuan serta Rukun Negara

mesti diadakan.

Ketujuh, parti politik mesti diberi arahan supaya turut memasyarakatkan konsep terbabit kepada ahli masing-masing, terutama ahli muda di samping menekankan kepentingan terhadap negara mengatasi segala-galanya.

Kita yakin cadangan ini membantu kerajaan menyemarakkan fahaman dan penghayatan warganegara kepada konsep Malaysia Prihatin, Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara.

Ia sekali gus menjadikan generasi merdeka Malaysia yang masih muda sebagai warganegara lebih bersatu padu dan sentiasa rela mempertahankan tanah air menerusi pelbagai tindakan dan aktiviti, baik dalam bidang informal mahupun di sektor formal.

Kejayaan konsep Malaysia Prihatin, sebagaimana kita tegaskan amat memerlukan komitmen, dukungan serta sokongan semua pihak. Mulai sekarang, hentikan polemik dan tidak perlu lagi layani apa jua kritikan dangkal pihak tertentu yang negatif terhadap konsep ini.

Sebaliknya, kerajaan perlu mewujudkan Sekretariat Malaysia Prihatin di bawah Jabatan Perdana Menteri untuk memastikan proses memasyarakatkan konsep Malaysia Prihatin, Perlembagaan Persekutuan dan doktrin Rukun Negara, termasuk menerusi cadangan dikemukakan ini dapat dilaksanakan, dipantau dan diperkasakan setiap masa.

Sekretariat sama juga perlu diwujudkan pada peringkat sekolah, IPT dan organisasi pendidikan tidak formal.

Sebagai kesimpulan, selaku rakyat bertanggungjawab wajar berikrar untuk sama-sama menyumbang peranan bagi menjayakan usaha memasyarakatkan konsep Malaysia Prihatin, Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara selaras 63 tahun merdekanya tanah air Malaysia.

Penulis adalah Pensyarah Kanan di Jabatan Sains Sosial, Pusat Pengajian Umum Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

